

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SUBANG JAYA.PUTRAJAYA)

TARIKH: 11 OKTOBER 2017

MUKA SURAT: 39

## JMB, MC pangsapuri disaran tubuh Pasukan Bomba Komuniti, cegah kebakaran

PUTRAJAYA - Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) pangsapuri disaran menubuhkan Pasukan Bomba Komuniti di kawasan masing-masing sebagai langkah pencegahan awal kebakaran.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar berkata, selepas melakukan tinjauan dan pemantauan di banyak pangsapuri pihaknya mendapati tiada ciri keselamatan untuk mencegah kebakaran di kawasan perumahan jenis seperti itu.

"Bila turun ke padang saya dapati bukan saja keadaan lif dan kemudahan lain teruk malah ada gelung salur air dan paip bomba hilang.

"Sebab tu saya letakkan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) kepada Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) yang dilantik kementerian supaya tubuh bomba komuniti ni.

"Ia sebagai kaedah terbaik cegah kebakaran sekali gus membolehkan langkah pencegahan awal diambil jika berlaku bencana ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini.